

9.6.2021

Siaran Media  
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **SIASATAN MENYELURUH KE ATAS MASALAH BEKALAN AIR DI TAMAN SERI PUTERA, NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN**

PULAU PINANG, Rabu, 9.6.2021: Siasatan menyeluruh akan dilakukan untuk mengetahui punca utama masalah “tekanan air rendah setiap hari” seperti yang ditimbulkan oleh kira-kira 200 penduduk di Taman Seri Putera, Nibong Tebal.

Jabatan Operasi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah diarahkan untuk melakukan tindakan berikut serta-merta:

- Pemasangan perakam tekanan digital di saluran paip air utama ke kawasan perumahan berkenaan untuk mengukur dan memantau tekanan bekalan air dengan tepat.
- Memeriksa kemungkinan kebocoran air bawah tanah, kerosakan injap atau “kunci angin” di saluran paip di Taman Seri Putera dan kawasan berdekatan.
- Memantau penggunaan air di kawasan perumahan untuk mengesahkan tiada kejadian kecurian air atau penggunaan air yang tinggi di mana-mana premis.

Kakitangan perkhidmatan pelanggan PBAPP juga akan menghubungi seramai mungkin penduduk yang terjejas secara langsung, untuk merekod dan mengesahkan aduan mereka.

Sekiranya dapat dipastikan bahawa aduan penduduk mengenai “tekanan air rendah setiap hari” adalah sah, Jabatan Operasi PBAPP akan melaksanakan penyelesaian jangka pendek berikut untuk membantu mereka:



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

1. Menghubungkan paip-paip mati dalam sistem retikulasi di lokasi-lokasi tertentu untuk mempertingkatkan tekanan agihan air di Taman Seri Putera.
2. Konfigurasikan semula rangkaian bekalan air sedia ada untuk mempertingkatkan tekanan pengagihan air di kawasan perumahan.
3. Mengesan dan membaiki (atau mengganti) semua saluran paip bocor di kawasan perumahan dan kawasan berhampiran dalam masa sesingkat mungkin untuk mengekalkan tekanan agihan air yang baik setiap masa.
4. Menghantar lori tangki air untuk membekalkan air di Taman Seri Putera pada ketika perakam tekanan PBAPP mengesan sebarang gangguan bekalan air melebihi 24 jam.

Memandangkan permintaan air di Seberang Perai Selatan (SPS) semakin meningkat seiring dengan peningkatan aktiviti sosio ekonomi, rancangan jangka panjang PBAPP untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di daerah ini termasuk:

- Pembinaan dan pengoperasian Rumah Pam Permatang Pauh 114 juta liter/hari (JLH) untuk mempertingkatkan tekanan bekalan air di SPS; dan
- Pembinaan dan pengoperasian Fasa 1: Loji Rawatan Air Sungai Kerian 250 JLH, yang ada kaitan dengan pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)